



Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage:
<https://karyailham.com.my/index.php/jarsbs/index>
ISSN: 2462-1951



Hubungan antara Sikap dan Penerimaan Pelajar Tingkatan Enam terhadap Pembelajaran dalam Talian

The Relationship between Form Six Students' Attitude and Acceptance towards Online Learning

Rozaina Zainul Rashid¹, Zaidatun Tasir^{2,*}

¹ Kolej Tingkatan Enam Kulim, 09400 Padang Serai, Kedah, Malaysia

² Fakulti Sains Pendidikan dan Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), 81310 UTM Johor Bahru, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 5 January 2026

Received in revised form 18 January 2026

Accepted 19 January 2026

Available online 20 January 2026

ABSTRACT

Pembelajaran dalam talian kini telah menjadi salah satu kaedah pembelajaran yang digunakan secara meluas di Malaysia. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sikap dan penerimaan pelajar Tingkatan Enam terhadap pembelajaran dalam talian serta hubungan antara sikap dan penerimaan tersebut. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan yang melibatkan seramai 275 orang pelajar tingkatan enam di sebuah daerah di negeri Kedah. Data dikumpulkan melalui soal selidik dalam talian dan dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 20, yang merangkumi analisis deskriptif (peratus, min dan sisihan piawai) serta analisis inferensi menggunakan korelasi Pearson bagi meneliti hubungan antara pemboleh ubah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap sikap, kebergunaan dan keinginan tingkah laku pelajar terhadap pembelajaran dalam talian berada pada tahap sederhana, manakala tahap kemudahan dan penggunaan sebenar berada pada tahap tinggi. Analisis korelasi mendapati terdapat hubungan positif yang kuat antara sikap dengan semua faktor penerimaan, iaitu kebergunaan, kemudahan, keinginan tingkah laku dan penggunaan sebenar pembelajaran dalam talian. Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa kemudahan mempunyai hubungan positif yang sangat kuat dengan penggunaan sebenar, yang menggambarkan bahawa pelajar lebih cenderung menggunakan pembelajaran dalam talian apabila mereka merasakan platform tersebut mudah digunakan. Justeru, guru dan pihak sekolah perlu mengambil langkah proaktif untuk memperjelas fungsi, manfaat dan kelebihan pembelajaran dalam talian kepada pelajar, di samping menyediakan bimbingan yang sesuai bagi meningkatkan tahap penerimaan mereka.

Online learning has now become one of the widely used modes of learning in Malaysia. Accordingly, this study was conducted to identify Form Six students' attitudes and acceptance towards online learning, as well as the relationship between attitude and acceptance. The study employed a survey research design

* Corresponding author.

E-mail address: p-zaida@utm.my

<https://doi.org/10.37934/arsbs.42.1.130145>

Keywords:

Pembelajaran dalam talian; pelajar tingkatan enam; sikap; kebergunaan; kemudahan

Online learning; form six students; attitude; usefulness; ease of use

involving 275 Form Six students from a district in the state of Kedah. Data were collected through an online questionnaire and analysed using SPSS version 20, which included descriptive analyses (percentage, mean, and standard deviation) and inferential analysis using Pearson correlation to examine the relationships between variables. The findings revealed that students' attitudes, perceived usefulness, and behavioural intention towards online learning were at a moderate level, while perceived ease of use and actual usage were at a high level. Correlation analysis indicated a strong positive relationship between attitude and all acceptance factors, namely perceived usefulness, perceived ease of use, behavioural intention, and actual usage of online learning. In addition, the findings also showed that perceived ease of use had a very strong positive relationship with actual usage, suggesting that students are more likely to use online learning when they perceive the platform as easy to use. Therefore, teachers and schools should take proactive measures to clarify the functions, benefits, and advantages of online learning to students, as well as provide appropriate guidance to enhance their level of acceptance.

1. Pengenalan

Pembelajaran dalam talian mula diterima secara meluas oleh masyarakat terutamanya dalam kalangan guru dan pelajar apabila pandemik COVID-19 berlaku dan menuntut pelaksanaan penjarakan sosial bagi mengelakkan penularan wabak [1-3]. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan telah menyebabkan pelbagai sektor terpaksa menyesuaikan cara bekerja, termasuk sektor pendidikan yang mengalami perubahan mendadak apabila semua aktiviti pembelajaran terpaksa dijalankan secara dalam talian.

Dalam konteks pendidikan sekolah, guru dan pelajar berdepan cabaran besar untuk mengekalkan kelancaran pembelajaran dalam talian kerana bergantung sepenuhnya kepada capaian Internet dan peranti digital [2,4]. Masalah seperti audio tersekat, visual tidak jelas dan gangguan capaian Internet menjejaskan kefahaman pelajar. Kajian terdahulu menunjukkan isu capaian ini dipengaruhi oleh kekuatan talian Internet, pelan data yang digunakan serta lokasi tempat tinggal pelajar [1,5,6].

Pada masa yang sama, guru turut berdepan kekangan masa untuk menyusun bahan dan aktiviti berkesan dalam persekitaran pembelajaran dalam talian [7,8]. Faktor ekonomi keluarga juga memberi kesan langsung terhadap pembelajaran pelajar apabila ibu bapa tidak mampu menyediakan peranti dan kemudahan yang mencukupi [9,10]. Kekangan ini menyebabkan ramai pelajar mengalami tekanan, gangguan pembelajaran dan kurang motivasi terhadap pembelajaran dalam talian [11,12].

Pelajar bukan sahaja perlu menyesuaikan diri dengan sesi pengajaran secara maya, malah perlu menguasai penggunaan pelbagai platform seperti Google Classroom dan DELIMa KPM untuk menerima tugas dan menghantar kerja kursus [12,13]. Tugas berkumpulan turut menjadi semakin mencabar khususnya bagi pelajar yang kurang mahir dalam penggunaan teknologi digital [7, 8].

Walaupun pelajar Tingkatan Enam dianggap lebih matang, mereka turut berhadapan cabaran yang sama seperti pelajar lain dalam menyesuaikan diri kepada pembelajaran dalam talian. Kekangan ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk mengkaji sikap dan faktor penerimaan pelajar Tingkatan Enam terhadap pembelajaran dalam talian [4,12]. Dengan memahami sikap dan penerimaan mereka, usaha penambahbaikan pembelajaran dalam talian boleh dirancang dengan lebih berkesan.

1.1 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk melihat tahap sikap dan penerimaan pelajar Tingkatan Enam terhadap pembelajaran dalam talian. Berdasarkan matlamat tersebut, objektif kajian adalah:


1. Mengenalpasti tahap sikap, kebergunaan, kemudahgunaan, keinginan tingkah laku dan penggunaan sebenar pelajar Tingkatan Enam terhadap pembelajaran dalam talian.
2. Menganalisis hubungan antara sikap dengan penerimaan pelajar Tingkatan Enam terhadap pembelajaran dalam talian.

2. Sorotan Literatur

Penerimaan berkait rapat dengan sikap seseorang untuk menerima atau menolak sesuatu inovasi. Menurut Wixom dan Todd [16], model penerimaan teknologi boleh digunakan untuk meramal penggunaan teknologi yang lebih baik berbanding dengan model kepuasan. Hasil ini boleh dicapai dengan menghubungkan tingkah laku kepada sikap dan kepercayaan. Menurut Maslin dan Ramlah [17] pelbagai model penerimaan teknologi telah diperkenalkan seperti *Theory of Planned Behaviour* (TPB), dan *Technology Acceptance Model* (TAM). Penggunaan TAM dilihat lebih sesuai digunakan untuk menilai keinginan pelajar untuk menggunakan pembelajaran dalam talian bagi menyokong pembelajaran [14] dan model ini digunakan dalam kajian ini.

2.1 Model Penerimaan Teknologi TAM

Model penerimaan teknologi TAM merupakan satu model yang digunakan untuk meramal niat seseorang dalam menerima dan menggunakan teknologi [14] seperti yang ditunjukkan di rajah 1.



Rajah 1. *Theory of Acceptance Model* (TAM)

Model ini mengandungi lima faktor terhadap penerimaan teknologi, iaitu tanggapan kebergunaan (*perceived usefulness*), tanggapan kemudahgunaan (*perceived ease of use*), sikap, keinginan tingkah laku dan penggunaan sebenar [14]. Model ini telah diperkenalkan oleh Davis pada tahun 1986. Tanggapan kebergunaan adalah kepercayaan seseorang bahawa teknologi baru yang digunakan akan meningkatkan prestasi seseorang manakala kemudahgunaan adalah kepercayaan seseorang bahawa penggunaan teknologi tidak memerlukan sebarang usaha [14]. Kedua-dua tanggapan ini mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran dalam talian. Pelajar cenderung mempunyai sikap positif apabila mereka percaya bahawa pembelajaran dalam talian memberi manfaat dan mudah diguna. Sikap pula akan mempengaruhi keinginan tingkah laku yang melibatkan kesungguhan seorang dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran dalam talian. Keinginan tingkah laku

seterusnya akan mempengaruhi penggunaan sebenar pelajar [14]. Model ini dapat menjelaskan sikap dan penerimaan pelajar terhadap pembelajaran dalam talian.

2.2 Kajian Lepas

Terdapat pelbagai kajian yang dijalankan untuk mengenal pasti sikap pelajar terhadap pembelajaran dalam talian [18-22]. Kajian oleh Nur Fatin Ashikin *et al.*, [18] menunjukkan bahawa sikap pelajar terhadap pembelajaran dalam talian berada pada tahap yang tidak memuaskan. Dapatan juga mendapati wujudnya hubungan yang signifikan antara sikap pelajar terhadap amalan pembelajaran dalam talian. Pemilihan sampel dalam kajian ini adalah pelajar Sarjana Muda mengikut persampelan berstrata.

Prior *et al.*, [23] dan Unger dan William [20] juga memilih pelajar Sarjana Muda tetapi menggunakan pendekatan persampelan rawak. Kajian Prior *et al.*, [23] mendapati sikap dan tingkah laku pelajar menyumbang secara positif kepada kejayaan pembelajaran dalam talian. Dapatan Nur Fatin *et al.*, [18] disokong pula dengan dapatan Unger dan William [20] yang menyatakan bahawa pelajar merasakan mereka berada dalam situasi yang tidak adil apabila masa yang diberikan untuk menyesuaikan diri dengan pembelajaran dalam talian adalah singkat. Malah, Abdul Rashid *et al.*, [24] menyatakan bahawa pelajar menjadi tertekan akibat perubahan drastik terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran.

Bagi kajian yang melibatkan pelajar sekolah rendah pula, Irma *et al.*, [12], menggunakan sampel murid Tahun 5 secara persampelan rawak bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi sikap terhadap pembelajaran dalam talian. Kajian ini mendapati bahawa murid-murid sekolah rendah mempunyai tahap sikap yang positif yang tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu secara dalam talian sepanjang tempoh PKP. Kajian juga mendapati bahawa faktor jantina dan sosioekonomi keluarga tidak mempengaruhi sikap dan motivasi murid untuk belajar mata pelajaran Bahasa Melayu secara dalam talian.

3. Metodologi Kajian

3.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kajian tinjauan. Kajian tinjauan memerlukan pengumpulan data untuk menguji hipotesis atau menjawab soalan berdasarkan pendapat orang ramai mengenai beberapa topik, masalah atau isu [25]. Kajian ini dapat menghuraikan ciri-ciri sesebuah populasi berdasarkan kajian yang dilaksanakan dengan mengkaji, menganalisis dan memperakui sesuatu masalah atau fenomena. Oleh itu, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan penggunaan soal selidik serta analisis deskriptif dan inferensi.

3.2 Instrumen Kajian

Instrumen soal selidik yang diadaptasi daripada kajian Yahaya dan Ling [26] digunakan dan kajian rintis bagi mengenal pasti kesahan dan kebolehpercayaan item telah dilaksanakan. Soal selidik menggunakan skala Likert Lima Mata iaitu Sangat Tidak Bersetuju, Tidak Bersetuju, Kurang Bersetuju, Bersetuju dan Sangat Bersetuju. Hasil kajian rintis mendapati kebolehpercayaannya adalah tinggi dan boleh diterima dengan nilai Alpha Cronbach 0.955. Pengesahan kandungan item oleh pakar juga mendapati item sesuai untuk responden. Soal selidik yang telah dibaiki dipindahkan ke dalam *Google Form* untuk tujuan pengedaran kepada pelajar Tingkatan Enam menerusi guru. Soal selidik juga dicetak untuk pelajar yang tidak mempunyai capaian Internet. Tempoh masa untuk pelajar

melengkapkan borang soal selidik ini adalah seminggu. Data kemudiannya dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 20.

3.3 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi bagi kajian ini ialah pelajar tingkatan enam di Negeri Kedah. Kaedah persampelan rawak kluster, teknik persampelan yang mengelompokkan peserta kajian yang terdapat dalam populasi [27], telah digunakan dalam memilih sampel. Setelah mengenal pasti sekolah Tingkatan Enam di sebuah daerah di negeri Kedah, pengkaji meminta maklumat berkaitan pelajar Tingkatan Enam daripada pegawai pendidikan daerah di Kedah. Maklumat yang diberikan menunjukkan bahawa terdapat seramai 931 pelajar Tingkatan Enam di sembilan buah sekolah. Berdasarkan jadual Krejcie dan Daryle [28], bilangan minimum sampel yang sesuai untuk mewakili populasi kajian ini ialah sebanyak 275 orang pelajar. Jadual 1 menunjukkan bilangan sampel mengikut kluster sekolah yang telah dipilih. Data telah dianalisis secara deskriptif menerusi peratus, min dan sisihan piawai serta analisis inferensi menerusi korelasi Pearson.

Jadual 1

Bilangan sampel mengikut kluster sekolah

Sekolah	Aliran	N	n
Sekolah A	Sains & Sains Sosial	96	26
Sekolah B	Sains & Sains Sosial	396	45
Sekolah C	Sains Sosial	102	102
Sekolah D	Sains Sosial	88	41
Sekolah E	Sains Sosial	75	75
Sekolah F	Sains Sosial & Agama	12	12
Jumlah		769	275

4. Dapatan Kajian

4.1 Latar Belakang Responden

Jadual 2 menunjukkan data demografik responden dalam kajian ini. Dari segi umur, majoriti responden berumur 19 (46.9%) dan 20 tahun (46.9%). Hanya 17 orang responden (6.2%) berumur 18 tahun. Dari segi jantina pula, majoriti responden kajian adalah pelajar perempuan (69.5%) berbanding pelajar lelaki (30.5%). Dapat dilihat di sini bahawa lebih ramai pelajar perempuan yang menyambung pelajaran selepas tamat tingkatan lima. Daripada jumlah responden juga, lebih daripada separuh bilangan responden adalah pelajar Melayu (58.2%), diikuti oleh pelajar Cina (24.7%) dan India (16.7%). Hanya seorang pelajar Siam (0.4%) yang menyertai kajian ini.

Jadual 2

Latar belakang responden

Pembolehubah	Nilai	Frekuensi	Peratusan (%)
Umur	18 tahun	17	6.2
	19 tahun	129	46.9
	20 tahun	129	46.9
Jantina	Lelaki	84	30.5
	Perempuan	191	69.5
Bangsa	Melayu	160	58.2
	Cina	68	24.7
	India	46	16.7
	Siam	1	0.4
Lokasi Sekolah	Bandar	188	68.4

Pembolehubah	Nilai	Frekuensi	Peratusan (%)
Aliran	Luar Bandar	87	31.6
	STAM	12	4.4
	STPM SAINS	66	24.0
	STPM SAINS SOSIAL	197	71.6
Semester	Semester 1	12	4.4
	Semester 2	130	47.3
	Semester 3	133	48.4
Tahap penguasaan teknologi maklumat	Mahir	173	62.9
	Kurang Mahir	99	36.0
	Tidak Mahir	3	1.1
Fasiliti dalam talian	Ya	185	67.3
	Tidak	90	32.7
Jumlah		275	100

Dari segi lokasi sekolah, pelajar hanya terbahagi kepada pelajar yang bersekolah di bandar dan luar bandar. Majoriti responden kajian adalah pelajar yang belajar di sekolah bandar (68.4%) dan selebihnya adalah sekolah luar bandar (31.6%). Dari segi aliran pula, lebih daripada 50% pelajar mengambil aliran STPM Sains Sosial (71.6%), manakala yang lainnya mengambil STPM Sains (24%) dan STAM (4.4%). Pelajar-pelajar yang terlibat sebagai responden kajian juga berada dalam Semester 1, 2 dan 3, di mana rata-rata pelajar berada dalam Semester 2 (47.3%) dan 3 (48.4%). Hanya 12 (4.4%) orang pelajar berada dalam Semester 1.

Kajian ini juga mengenalpasti tahap penguasaan teknologi maklumat pelajar dan fasiliti dalam talian yang membantu pelajar dalam pembelajaran dalam talian. Majoriti pelajar dilihat mahir (62.9%) dalam penguasaan teknologi maklumat. Selebihnya adalah kurang mahir (36%) dan tidak mahir (1.1%). Dari segi fasiliti dalam talian pula, lebih daripada separuh daripada jumlah responden mempunyai akses kepada fasiliti dalam talian (67.3%) dan selebihnya tidak (32.7%).

4.2 Tahap Sikap Pelajar Tingkatan Enam terhadap Pembelajaran dalam Talian

Dapatan kajian mengenai sikap pelajar Tingkatan Enam terhadap pembelajaran dalam talian dipaparkan dalam Jadual 3.

Jadual 3

Tahap sikap pelajar Tingkatan Enam terhadap pembelajaran dalam talian

Bil	Item	STB	TB	KS	B	SB	Min	SP
		%						
1	Saya bersedia untuk belajar dalam talian pada bila-bila masa.	5.8	13.1	29.1	29.8	22.2	3.49	1.14
2	Saya menggunakan pembelajaran dalam talian lebih daripada 5 kali seminggu.	10.5	18.2	33.8	21.1	16.4	3.15	1.20
3	Saya berminat untuk mempelajari cara menggunakan pembelajaran dalam talian.	11.3	12.0	28.7	26.5	21.5	3.35	1.25
4	Saya sentiasa prihatin terhadap makluman dan tugas yang dikemukakan di dalam platform Delima KPM	5.8	12.0	32.4	28.4	21.5	3.48	1.12
5	Saya bersedia untuk menghadapi cabaran dalam penggunaan pembelajaran dalam talian.	5.1	8.7	30.5	32.7	22.9	3.60	1.08
6	Saya memberi galakan kepada rakan-rakan supaya menggunakan pembelajaran dalam talian.	7.6	18.5	34.5	23.3	16.0	3.21	1.15
7	Kaedah pembelajaran dalam talian sesuai dengan citarasa saya.	17.1	18.9	32.0	18.2	13.8	2.93	1.26
8	Saya lebih suka menggunakan pembelajaran dalam talian bagi semua mata pelajaran.	24.7	20.0	28.4	14.5	12.4	2.70	1.32
9	Saya sentiasa mengambil peluang untuk belajar dalam talian.	12.4	15.3	34.5	24.0	13.8	3.12	1.19

Bil	Item	STB	TB	KS	B	SB	Min	SP
		%						
PURATA							3.23	1.20

n=275, Petunjuk: STB=Sangat Tidak Bersetuju, TB=Tidak Bersetuju, KS=Kurang Bersetuju, B=Bersetuju, SB=Sangat Bersetuju, SP=Sisihan Piawai

Skor min keseluruhan bagi sikap pelajar Tingkatan Enam terhadap pembelajaran dalam talian adalah berada pada tahap sederhana dengan nilai min sebanyak 3.23 dan nilai sisihan piawai sebanyak 1.20. Nilai sisihan piawai pula menunjukkan bahawa terdapat perbezaan sikap yang kurang ketara antara responden di mana tidak semua responden bersetuju secara bersama bahawa mereka mempunyai sikap yang positif terhadap pembelajaran dalam talian. Hal ini dapat dilihat mengikut peratusan bagi setiap item.

4.3 Tahap Penerimaan Kebergunaan Pembelajaran dalam Talian

Dapatan kajian mengenai tahap penerimaan kebergunaan pembelajaran dalam talian dipaparkan dalam Jadual 4.

Jadual 4

Tahap penerimaan kebergunaan pembelajaran dalam talian pelajar Tingkatan Enam

Bil	Item	STB	TB	KS	B	SB	Min	SP
		%						
1	Pembelajaran dalam talian meningkatkan prestasi pembelajaran saya.	17.8	22.9	36.7	16.4	6.2	2.70	1.12
2	Pembelajaran dalam talian meningkatkan tahap kefahaman saya.	19.6	22.5	33.1	17.5	7.3	2.70	1.18
3	Pembelajaran dalam talian meningkatkan keberkesanan pembelajaran saya.	17.8	23.6	34.5	15.6	8.4	2.73	1.17
4	Saya mendapati platform DELIMA KPM sangat berguna untuk saya.	9.1	16.0	41.5	20.4	13.1	3.12	1.11
5	Pembelajaran dalam talian memudahkan silibus subjek untuk dipelajari.	18.5	22.5	35.3	15.3	8.4	2.72	1.17
6	Pembelajaran dalam talian meningkatkan kualiti tugasan saya.	14.9	19.6	35.3	19.3	10.9	2.92	1.19
7	Pembelajaran dalam talian membolehkan lebih banyak tugas dapat disiapkan dalam sesuatu masa.	11.3	14.9	32.0	24.4	17.5	3.22	1.22
8	Pembelajaran dalam talian menyediakan suasana pembelajaran yang menarik.	14.9	16.0	35.3	18.5	15.3	3.03	1.24
9	Pembelajaran dalam talian membolehkan tugas disiapkan lebih cepat.	12.4	15.6	30.5	24.7	16.7	3.18	1.24
PURATA							2.93	1.19

n=275, Petunjuk: STB=Sangat Tidak Bersetuju, TB=Tidak Bersetuju, KS=Kurang Bersetuju, B=Bersetuju, SB=Sangat Bersetuju, SP=Sisihan Piawai

Skor min menunjukkan tahap penerimaan pelajar tingkatan enam terhadap pembelajaran dalam talian: faktor tanggapan kebergunaan adalah sederhana. Nilai sisihan piawai pula menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang kurang ketara antara responden di mana tidak semua responden bersetuju secara bersama bahawa mereka berpendapat bahawa pembelajaran dalam talian berguna bagi mereka.

4.4 Tahap Penerimaan Kemudahangunaan Pembelajaran dalam Talian

Analisis deskriptif dalam bentuk peratusan, min dan sisihan piawai telah dijalankan untuk mengkaji tahap penerimaan pelajar tingkatan enam terhadap pembelajaran dalam talian aspek kemudahangunaan. Dapatan kajian dipaparkan dalam Jadual 5.

Jadual 5

Tahap penerimaan kemudahangunaan pembelajaran dalam talian kepada pelajar Tingkatan Enam

Bil	Item	STB	TB	KS	B	SB	Min	SP
		%						
1	Pembelajaran dalam talian menjimatkan masa untuk mendapatkan bahan rujukan.	5.1	5.5	26.2	29.5	33.8	3.81	1.11
2	Saya berasa selesa menggunakan pembelajaran dalam talian.	10.5	12.7	31.6	26.2	18.9	3.30	1.21
3	Saya mendapati platform DELIMA KPM mudah digunakan.	8.4	11.3	40.0	22.9	17.5	3.30	1.13
4	Pembelajaran dalam talian amat berguna bagi saya.	9.1	17.8	38.5	17.8	16.7	3.15	1.17
5	Pembelajaran dalam talian menyediakan maklumat yang tepat.	4.4	13.1	36.7	24.7	21.1	3.45	1.09
6	Pembelajaran dalam talian menyediakan maklumat yang bermanfaat.	4.7	6.5	35.6	28.4	24.7	3.62	1.07
7	Pembelajaran dalam talian menyediakan maklumat yang terkini.	4.4	4.7	30.5	31.3	29.1	3.76	1.06
8	Pembelajaran dalam talian menyediakan maklumat yang diperlukan.	4.4	6.9	32.7	28.7	27.3	3.68	1.08
9	Pembelajaran dalam talian menyediakan maklumat yang mudah difahami.	7.3	9.1	38.5	23.3	21.8	3.43	1.14
10	Pembelajaran dalam talian menyediakan maklumat yang terperinci.	6.5	9.1	37.5	27.6	19.3	3.44	1.10
PURATA							3.49	1.12

n=275, Petunjuk: STB=Sangat Tidak Bersetuju, TB=Tidak Bersetuju, KS=Kurang Bersetuju, B=Bersetuju, SB=Sangat Bersetuju, SP=Sisihan Piawai

Skor min dalam Jadual 5 menunjukkan tahap penerimaan kemudahangunaan pelajar tingkatan enam terhadap pembelajaran dalam talian adalah tinggi. Nilai sisihan piawai pula menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang kurang ketara antara responden di mana tidak semua responden bersetuju secara bersama bahawa mereka berpendapat bahawa pembelajaran dalam talian mudah digunakan bagi mereka.

4.5 Tahap Penerimaan Keinginan Tingkah Laku Pembelajaran dalam Talian

Jadual 6 memaparkan tahap penerimaan keinginan bertingkah laku pelajar tingkatan enam terhadap pembelajaran dalam talian. Dapatan kajian mendapati tahap keinginan bertingkah laku terhadap pembelajaran dalam talian adalah sederhana.

Jadual 6

Tahap penerimaan keinginan tingkah laku pembelajaran dalam talian pelajar Tingkatan Enam

Bil	Item	STB	TB	KS	B	SB	Min	SP
		%						
1	Saya berhasrat untuk meningkatkan pembelajaran dalam talian pada masa hadapan.	10.9	11.6	34.2	24.7	18.5	3.28	1.21
2	Saya berhasrat untuk terus menggunakan pembelajaran dalam talian pada setiap semester.	19.6	21.1	32.4	14.5	12.4	2.79	1.26
3	Saya berhasrat untuk lebih menggunakan platform DELIMa dalam aktiviti pembelajaran saya.	10.5	15.3	43.3	20.4	10.5	3.05	1.09

4	Saya akan sentiasa cuba menggunakan pembelajaran dalam talian sebagai sebahagian daripada aktiviti harian saya.	13.1	14.9	32.0	25.8	14.2	3.13	1.21
5	Saya berhasrat untuk mengetahui lebih lanjut tentang ciri-ciri pembelajaran dalam talian.	8.7	11.3	30.9	29.5	19.6	3.40	1.17
6	Saya berhasrat untuk mendapatkan maklumat terkini tentang pembelajaran dalam talian.	6.5	10.9	30.9	28.7	22.9	3.51	1.15
PURATA							3.19	1.19

n=275, Petunjuk: STB=Sangat Tidak Bersetuju, TB=Tidak Bersetuju, KS=Kurang Bersetuju, B=Bersetuju, SB=Sangat Bersetuju, SP=Sisihan Piawai

4.6 Tahap Penerimaan Penggunaan Sebenar Pembelajaran dalam Talian

Berdasarkan Jadual 7, tahap penerimaan penggunaan sebenar pelajar tingkatan enam terhadap pembelajaran dalam talian adalah tinggi.

Jadual 7

Tahap penggunaan sebenar pembelajaran dalam talian pelajar Tingkatan Enam

Bil	Item	STB	TB	KS	B	SB	Min	SP
		%						
1	Saya kerap menggunakan pembelajaran dalam talian.	10.2	19.6	36.0	23.6	10.5	3.05	1.12
2	Saya menggunakan pembelajaran dalam talian sepenuhnya.	19.3	21.5	34.5	17.1	7.6	2.72	1.17
3	Saya pernah menggunakan pembelajaran dalam talian.	1.8	3.6	20.0	24.7	49.8	4.17	0.99
4	Saya menggunakan pembelajaran dalam talian untuk berkomunikasi dengan rakan sekelas.	5.5	6.9	30.9	26.9	29.8	3.69	1.13
5	Saya menggunakan pembelajaran dalam talian untuk berkomunikasi dengan guru.	5.5	8.4	31.6	26.2	28.4	3.64	1.13
6	Saya menggunakan pembelajaran dalam talian untuk mendapatkan nota dan bahan-bahan pembelajaran lain.	3.6	4.7	24.0	25.8	41.8	3.97	1.08
PURATA							3.54	1.11

n=275, Petunjuk: STB=Sangat Tidak Bersetuju, TB=Tidak Bersetuju, KS=Kurang Bersetuju, B=Bersetuju, SB=Sangat Bersetuju, SP=Sisihan Piawai

4.7 Hubungan antara Sikap dengan Penerimaan Pelajar Tingkatan Enam terhadap Pembelajaran dalam Talian

Selain daripada analisis deskriptif, analisis inferensi juga telah dijalankan untuk mengkaji hubungan antara sikap pelajar tingkatan enam dengan penerimaan pelajar tingkatan enam terhadap pembelajaran dalam talian. Dapatan kajian dipaparkan dalam Jadual 8.

Jadual 8


Hubungan antara sikap, kebergunaan, kemudahgunaan, keinginan tingkah laku dan penggunaan sebenar pembelajaran dalam talian

	Sikap	Kebergunaan	Kemudahgunaan	Keinginan Tingkah Laku	Penggunaan Sebenar
Sikap	1.00	0.789**	0.686**	0.791**	0.660**
Kebergunaan	-	1.00	0.768**	0.785**	0.651**
Kemudahgunaan	-	-	1.00	0.738**	0.804**
Keinginan Tingkah Laku	-	-	-	1.00	0.702**
Penggunaan Sebenar	-	-	-	-	1.00

**. Kolerasi adalah signifikan pada nilai $\alpha = 0.01$.

Berdasarkan Jadual 8, nilai pekali korelasi Pearson (r) hubungan antara sikap dan kebergunaan adalah tinggi dan signifikan ($p < .01$) terhadap kebergunaan ($r = .789$) dan kemudahgunaan ($r = .686$) pembelajaran dalam talian. Sikap juga mempunyai hubungan yang signifikan dan tinggi dengan tingkah laku ($r = .791$, $p < .01$) dan penggunaan sebenar ($r = .660$, $p < .01$) pembelajaran dalam talian. Hal ini menunjukkan bahawa peningkatan sikap pelajar yang positif terhadap pembelajaran dalam talian berkait rapat secara signifikan dengan peningkatan tahap penerimaan pelajar terhadap kebergunaan, kemudahgunaan, keinginan tingkah laku dan penggunaan sebenar pembelajaran dalam talian.

Selain itu, Jadual 8 juga menunjukkan kebergunaan mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kemudahgunaan ($r = .768$, $p < .01$), keinginan tingkah laku ($r = .785$, $p < .01$) dan penggunaan sebenar ($r = .651$, $p < .01$). Seterusnya, kemudahgunaan juga mempunyai hubungan positif dengan keinginan tingkah laku ($r = .738$, $p < .01$). Dapatan juga menunjukkan hubungan positif yang sangat kuat antara kemudahgunaan dan penggunaan sebenar ($r = .804$, $p < .01$), dengan kemudahgunaan menerangkan 64.6% varians penggunaan sebenar. Hubungan antara keinginan tingkah laku dan penggunaan sebenar pembelajaran dalam talian juga adalah kuat dan positif ($r = .702$, $p < .01$). Rajah 1 memaparkan hubungan yang signifikan antara semua faktor penerimaan yang dikaji.



Rajah 1. Korelasi

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap pelajar memainkan peranan penting dalam mempengaruhi penerimaan pembelajaran dalam talian, di mana sikap, kebergunaan dan kemudahgunaan mempunyai hubungan positif yang kuat dan signifikan dengan keinginan tingkah laku serta penggunaan sebenar pembelajaran dalam talian.

6. Perbincangan Dapatan Kajian

Hasil analisis mendapati bahawa sikap pelajar terhadap pembelajaran dalam talian berada pada tahap sederhana. Dapatan ini bertepatan dengan dapatan kajian Ishak dan Aida Zuraina [29] yang mendapati bahawa kesediaan dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran dalam talian adalah sederhana. Oleh itu, terdapat keperluan untuk meningkatkan tahap sikap pelajar terhadap pembelajaran dalam talian kerana pelajar mudah menjadi tertekan apabila kurang bersedia menggunakan strategi pembelajaran yang bukan kebiasaan mereka [30].

Bagi membiasakan diri dengan pembelajaran dalam talian, pelajar perlu lebih kerap menggunakannya. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati bahawa pelajar kurang kerap menggunakan pembelajaran dalam talian dengan kekerapan kurang daripada lima kali seminggu. Pelajar berhadapan dengan tekanan apabila perubahan daripada pembelajaran fizikal dalam kelas

kepada pembelajaran dalam talian berlaku secara drastik [24], seperti waktu jadual pembelajaran yang lebih panjang, perubahan proses dan pembelajaran, dan penilaian keseluruhan [31]. Hal ini menyebabkan pelajar kurang kerap menggunakan pembelajaran dalam talian. Ianya dapat dilihat melalui sikap pelajar terhadap pelantar DELIMA KPM, di mana pelajar menjadi kurang prihatin dengan maklumat dan tugas yang dikemukakan dalam pelantar Delima KPM. Dapatan ini tidak selari dengan Lilian *et al.*, [32] bahawa pelajar yang kerap menggunakan pembelajaran dalam talian dan mempunyai tanggapan yang menggalakkan terhadap pembelajaran dalam talian.

Daripada sikap pelajar terhadap pelantar DELIMA KPM, didapati pelajar berhadapan dengan masalah teknikal semasa menggunakan aplikasi dalam talian. Hal ini bersamaan dengan kajian Wang dan Rabail [33] mengenai penggunaan aplikasi Zoom di dalam kelas, pelajar menghadapi masalah-masalah seperti kesukaran membaca soalan dan jawapan yang dipertontonkan pada layar, tiada peluang untuk mengubah jawapan selepas dihantar, tempoh masa menjawab soalan yang meresahkan pelajar, tidak cukup masa menjawab soalan, takut pada kekalahan, dan kesukaran untuk mendalami jawapan yang betul atas kesilapan yang telah dibuat. Keadaan ini melemahkan semangat pelajar untuk turut serta dalam pembelajaran dalam talian. Dapatan juga menunjukkan, pelajar kurang mengambil peluang untuk belajar dalam talian.

Dapatan kajian mendapati bahawa tahap penerimaan pelajar terhadap kebergunaan pembelajaran dalam talian berada pada tahap sederhana. Pelajar berpendapat bahawa pembelajaran dalam talian kurang meningkatkan prestasi, kurang meningkatkan kefahaman pembelajaran, kurang meningkatkan keberkesanan pembelajaran, dan tidak menyediakan suasana pembelajaran yang menarik. Hal ini dapat dilihat melalui pelaksanaan tugas pelajar.

Kajian ini juga mendapati, pelajar menyatakan bahawa pembelajaran dalam talian kurang meningkatkan kualiti tugas mereka, tidak banyak tugas yang dapat disiapkan dalam sesuatu masa, dan tugas tidak dapat disiapkan dengan cepat. Bagi pelajar yang mempunyai adik beradik yang ramai dan masih bersekolah, mereka terpaksa berkongsi peranti dengan adik-beradik yang lain. Malah, pembelajaran dalam talian kurang memudahkan pembelajaran silibus mata pelajaran. Oleh itu, keadaan sosioekonomi pelajar dan mempunyai adik-beradik yang ramai menjadi cabaran kepada pelajar untuk menyiapkan tugas yang diberi atau untuk menghadiri kelas secara dalam talian [9]. Pelajar juga menganggap bahawa pelantar DELIMA KPM kurang berguna untuk mereka kerana mereka merasakan sukar untuk mengakses pelantar tersebut. Menurut Husin [34], terdapat lambakan tugas dalam satu-satu masa yang tertumpu dalam satu pelantar sekiranya pelajar tidak dapat menguruskan masa dengan baik. Tahap stres pelajar meningkat kerana mereka tidak dapat membahagikan masa antara jadual kuliah, tutorial dan tugas dengan baik [24].

Terdapat juga pelajar yang menghadapi masalah masa apabila belajar dari rumah kerana pelajar perlu membahagikan masa antara tugas di rumah serta melakukan kerja-kerja rumah, dan hal ini mengganggu emosi pelajar sehingga boleh menyebabkan kemurungan [34]. Berdasarkan kepada Mahathir dan Wardatul [9], pelajar menghadapi masalah untuk menumpukan perhatian terhadap kelas kerana perlu membahagikan masa antara pembelajaran dengan urusan di rumah atau membantu keluarga berniaga apabila ketua keluarga terjejas pendapatan akibat pandemik.

Kajian ini juga mendapati bahawa pembelajaran dalam talian dapat digunakan untuk mencari maklumat. Menurut Richardson [35], pelajar dapat menguasai kemahiran mencari maklumat dengan menggunakan laman sesawang dan Internet. Kemahiran ini amat penting untuk pembelajaran masa hadapan kerana dalam kajian ini, pelajar mengakui bahawa walau pun ianya mudah mencari maklumat dalam talian, tetapi mereka menghadapi kesukaran untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan sahih untuk digunakan sebagai rujuk autentik dalam tugas. Terdapat juga maklumat-maklumat yang kurang jelas dan sukar untuk difahami.

Dapatan kajian juga mendapati tahap kemudahan pembelajaran dalam talian adalah tinggi. Pelajar menyatakan bahawa pembelajaran dalam talian mudah digunakan untuk mencapai guru apabila diperlukan, mendapatkan nota dan bahan pembelajaran, dan berkomunikasi dengan rakan. Pangayan *et al.*, [36] mendapati bahawa pelajar-pelajar menggunakan pembelajaran dalam talian sebagai alat bantu pembelajaran. Dengan kerjasama dari rakan sekelas, mereka hanya perlu berkongsi link untuk mencapai maklumat tersebut. Malah, pencarian maklumat dalam talian menjadi mudah kerana hanya perlu menggunakan kata kunci yang tepat. Walau bagaimanapun, pelajar masih perlu mendalami ilmu tentang pencarian maklumat yang tepat dan sahih kerana kajian ini juga mendapati bahawa walau pun ianya menjimatkan masa pelajar untuk mendapatkan maklumat, pelajar masih mempunyai masalah untuk mendapatkan maklumat yang tepat.

Majoriti pelajar berpendapat bahawa pembelajaran dalam talian menjimatkan masa untuk mendapatkan bahan rujukan. Dengan menggunakan laman sesawang, pelajar akan berupaya menguasai kemahiran literasi maklumat menggunakan Internet [35]. Walau pun pelajar menyatakan bahawa laman sesawang menyediakan maklumat yang terkini, pelajar juga mendapati bahawa mereka menghadapi masalah pencarian maklumat. Maklumat yang dicari kurang tepat, sukar difahami, dan kurang terperinci. Berdasarkan dapatan ini, pelajar memerlukan kemahiran teknologi maklumat yang dapat membantu pelajar dalam pencarian maklumat yang berkesan. Walau pun kajian ini mendapati bahawa majoriti pelajar menguasai kemahiran teknologi maklumat, tetapi 36% pelajar masih kurang mahir dan 1.1% pelajar tidak mahir teknologi maklumat, sedangkan kemahiran teknologi maklumat ini amat penting pada era kini.

Walaupun, tahap kemudahan adalah tinggi, keinginan tingkahlaku pembelajaran dalam talian dalam kalangan pelajar adalah sederhana. Majoriti pelajar kurang berhasrat untuk menggunakan pembelajaran dalam talian di masa hadapan kerana faktor masalah Internet, kurang kemahiran teknologi maklumat, dan masalah teknikal aplikasi dalam talian. Muthuprasad *et al.*, [38] mendapati bahawa pelajar merasakan bahawa pembelajaran dalam talian merupakan satu kaedah pembelajaran yang menyeronokkan, tetapi masalah Internet yang lemah terutamanya di kawasan pedalaman mengurangkan motivasi pelajar untuk menggunakannya.

Dari aspek penggunaan sebenar, pelajar menunjukkan tahap penggunaan yang tinggi terhadap pembelajaran dalam talian. Majoriti pelajar menggunakan pembelajaran dalam talian untuk berkomunikasi dengan guru dan rakan sekelas, dan untuk mendapatkan nota dan bahan-bahan pembelajaran yang lain. Pangayan *et al.*, [36] menyatakan pelajar melihat keberkesanan pembelajaran dalam talian sebagai alat bantu pembelajaran.

Hasil analisis korelasi mendapati bahawa hubungan antara sikap pelajar terhadap pembelajaran dalam talian adalah tinggi dengan kebergunaan, kemudahan, keinginan tingkah laku dan penggunaan sebenar. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar akan mempunyai sikap yang positif terhadap pembelajaran dalam talian apabila mereka mengetahui faedah dan mudahnya menggunakan pembelajaran dalam talian. Oleh itu, sebelum pelajar diberi arahan atau galakan untuk menggunakan pembelajaran dalam talian, pelajar perlu diberi pengetahuan mengenai cara menggunakan pembelajaran dalam talian dengan sebaiknya. Dapatan ini selari dengan dapatan Aziz *et al.*, [18] yang mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dan penerimaan pelajar terhadap pembelajaran dalam talian.

Sikap yang positif, tanggapan kebergunaan dan kemudahan yang tinggi juga mempunyai hubungan yang kuat dengan keinginan tingkah laku dan penggunaan sebenar pembelajaran dalam talian. Kajian ini mendapati hubungan yang paling kuat ialah hubungan antara kemudahan dengan penggunaan sebenar. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian oleh Aziz *et al.*, [18]. Hubungan yang kuat antara dua faktor ini juga selari dengan tahap kemudahan dan penggunaan sebenar yang tinggi.

7. Kesimpulan

Kesimpulan dapatan kajian mendapati bahawa tahap sikap pelajar, penerimaan kebergunaan dan keinginan tingkah laku pembelajaran dalam talian adalah sederhana, manakala tahap kemudahgunaan dan tahap penggunaan sebenar adalah tinggi. Walau bagaimanapun, kajian juga mendapati bahawa sikap pelajar terhadap pembelajaran dalam talian mempunyai hubungan yang kuat dan positif dengan kebergunaan, kemudahgunaan, keinginan tingkah laku dan penggunaan sebenar. Tahap sikap, kebergunaan dan keinginan tingkahlaku yang sederhana adalah selari dengan korelasi setiap faktor ini dengan kemudahgunaan dan penggunaan sebenar iaitu signifikan tetapi tidak sekuat korelasi kemudahgunaan dengan penggunaan sebenar. Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan sikap dan penerimaan pelajar tingkatan enam terhadap pembelajaran dalam talian adalah saling berkait walaupun tahap sikap adalah sederhana.

8. Limitasi Kajian dan Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini mempunyai beberapa limitasi, antaranya skop kajian yang hanya melibatkan pelajar Tingkatan Enam di sebuah daerah di negeri Kedah, yang menyebabkan dapatan kajian tidak dapat digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi pelajar Tingkatan Enam di Malaysia. Selain itu, dapatan kajian ini adalah berasaskan penggunaan soal selidik yang menilai persepsi pelajar, dengan andaian bahawa persepsi tersebut mewakili amalan sebenar mereka. Faktor luaran yang berpotensi mempengaruhi persepsi pelajar, seperti tahap penguasaan teknologi, akses kepada peranti digital, dan ketersediaan fasiliti pembelajaran dalam talian, juga tidak dianalisis secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, majoriti responden dalam kajian ini didapati mempunyai tahap kemahiran teknologi maklumat yang baik (62.9%) serta akses kepada fasiliti dalam talian (67.3%).

Sehubungan itu, kajian lanjutan disarankan untuk melibatkan sampel yang lebih besar dan merangkumi pelajar Tingkatan Enam dari pelbagai negeri bagi meningkatkan kebolehgunaan dapatan kajian. Selain pendekatan kuantitatif, penggunaan kaedah kualitatif atau kaedah campuran juga dicadangkan untuk memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang amalan sebenar pelajar dalam pembelajaran dalam talian. Kajian masa hadapan turut disaran untuk menganalisis secara komprehensif faktor luaran seperti tahap literasi digital, kualiti capaian internet, serta kemudahan peranti pembelajaran, bagi menilai pengaruhnya terhadap sikap dan penerimaan pelajar. Di samping itu, kajian lanjutan perlu meneliti hubungan antara faktor demografik dengan sikap, penerimaan, keinginan tingkah laku, dan penggunaan sebenar pembelajaran dalam talian bagi membantu meminimumkan cabaran pelaksanaan pembelajaran dalam talian. Akhir sekali, kajian masa hadapan juga wajar memberi tumpuan kepada pembangunan dan penilaian strategi yang berkesan untuk meningkatkan sikap dan tanggapan pelajar Tingkatan Enam terhadap pembelajaran dalam talian.

Penghargaan (Acknowledgement)

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) atas sokongan yang diberikan dalam menjayakan kajian ini. Artikel ini telah dibiayai oleh Geran Penyelidikan Fundamental Universiti Teknologi Malaysia (Q.J130000.3853.22H58) yang dimulakan oleh Universiti Teknologi Malaysia dan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

Kewangan (Funding)

Penyelidikan ini dibiayai oleh Geran Penyelidikan Fundamental Universiti Teknologi Malaysia (Q.J130000.3853.22H58) yang dimulakan oleh Universiti Teknologi Malaysia dan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

Konflik Kepentingan (Conflict of Interests)

Para penulis tidak mempunyai konflik kepentingan dalam menjalankan kajian dan penerbitan artikel ini.

Rujukan

- [1] Subramaniam, Latha, Yap, Ching Seng, Jalaludin, Farah Waheeda and Hen, Kai Wah. "Digital Divide and University Students' Online Learning amidst COVID-19 Pandemic in Malaysia" *Libri* 74, no. 2 (2024): 197-210. <https://doi.org/10.1515/libri-2023-0115>
- [2] Ab Hamid, Nur Amanina, and Mohd Jasmy Abd Rahman. "Penerimaan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Terhadap Pembelajaran Dalam Talian: Tinjauan Di Daerah Muallim Perak." *Jurnal Dunia Pendidikan* 3, no. 2 (2021): 164-173.
- [3] Ismail, Nur Salina, Nor Mazlina Abu Bakar, and Sharifah Wajihah Wafa Syed Saadun Tarek Wafa. "Online Learning Challenges during Pandemic COVID-19 in Malaysian Higher Learning Institution." *Universal Journal of Educational Research* 8, no. 12 (2020): 7151–7159. <https://doi.org/10.13189/ujer.2020.081282>
- [4] Low, Suet Fin, Suguna Sankaran, Seow Wan Jia, and Haniza Mohd Yusoff. "Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian Semasa COVID-19: Perspektif Guru Sekolah." *Jurnal Penyelidikan TEMPAWAN*, October 10, 2023. <https://doi.org/10.61374/temp01.23>
- [5] Mohammad, Rofizah. "Pembelajaran dalam talian segera: kepuasan pelajar terhadap penggunaan Microsoft Teams." *Journal of Quality Management and Analysis* 16, no. 2 (2020): 219-230.
- [6] Surianshah, Sarimah. "Digital divide in education during COVID-19 pandemic." *Jurnal Ekonomi Malaysia* 55, no. 3 (2021): 103-112. <http://dx.doi.org/10.17576/JEM-2021-5503-07>
- [7] Mohamad, Ahmad Muhaimin. "The Implementation of Online Teaching And Learning While In Movement Control Order: Analysis Of Issues And Problem/Pelaksanaan Pembelajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian Semasa Tempoh Kawalan Pergerakan: Analisis Isu Dan Masalah." *Sains Humanika* 15, no. 1 (2023): 33-46.
- [8] Kuo, Yu-Chun, Andrew E. Walker, Brian R. Belland, Kerstin E. E. Schroder, and Yu-Tung Kuo. "A case study of integrating Interwise: Interaction, internet self-efficacy, and satisfaction in synchronous online learning environments." *International Review of Research in Open and Distributed Learning* 15, no. 1 (2014): 161–181. <https://doi.org/10.19173/irrodl.v15i1.1664>
- [9] Yahaya, Mahathir, and Wardatul Hayat Adnan. "Cabaran pelajar melalui kaedah pembelajaran atas talian: kajian institusi pengajian tinggi awam Malaysia." *Journal of Media and Information Warfare (JMIW)* 14 (2021): 11-20.
- [10] Ali, M., W. Zainodin, and Tengku Elena Tengku Mahamad. "The challenges of digital inequalities in online and remote learning on b40 students during the COVID-19 pandemic and beyond." *Journal of Media and Information Warfare Vol* 17, no. 1 (2024): 1-17.
- [11] Asadullah, M. Niaz, and Eric Tham. "Learning and happiness during COVID-19 school closure in urban Malaysia." *International Journal of Educational Development* 101 (2023): 102822. <https://doi.org/10.1016/j.ijedudev.2023.102822>
- [12] Mahad, Irma, Ugartini Magesvaran, and Intan Nur Syuhada Hamzah. "Sikap dan motivasi murid sekolah rendah terhadap pembelajaran bahasa melayu dalam talian sepanjang perintah kawalan Pergerakan (Attitude and Motivation Primary School Student toward Malay Language Online Learning During Movement Control Order)." *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 11, no. 1 (2021): 16-28.
- [13] Samsudin, Mohd Ali. "Digital learning landscape in Malaysia during the COVID-19 pandemic: The perspective of ecological techno-subsystem theory." *Journal of International Educational Cooperation* 24, no. 2 (2021): 131-151.
- [14] Davis, Fred D. "Perceived usefulness, perceived ease of use, and user acceptance of information technology." *MIS Quarterly* 13, no. 3 (1989): 319–340. <https://doi.org/10.2307/249008>
- [15] Gardner, Christina, and Donald L. Amoroso. "Development of an instrument to measure the acceptance of internet technology by consumers." In *37th Annual Hawaii International Conference on System Sciences, 2004. Proceedings of The*, pp. 10-pp. IEEE, 2004. <https://doi.org/10.1109/HICSS.2004.1265623>
- [16] Wixom, Barbara H., and Peter A. Todd. "A theoretical integration of user satisfaction and technology acceptance." *Information systems research* 16, no. 1 (2005): 85-102. <https://doi.org/10.1287/isre.1050.0042>
- [17] Masrom, Maslin, and Ramlah Hussein. *User acceptance of Information Technology: Understanding theories and models*. Venton Publishing, 2008.

- [18] Aziz, Nur Fatin Ashikin Mohamed, Eta Wahab, Alina Shamsuddin, Nor Hazana Abdullah, and Wan Nurul Karimah Wan Ahmad. "Hubungan antara sikap dan penerimaan pelajar terhadap amalan pembelajaran atas talian." *Research in Management of Technology and Business* 1, no. 1 (2020): 104-113. <https://doi.org/10.30880/rmtb.2020.01.01.009>
- [19] Rerah, Nurul Farhana, and Mohamed, Mohd Faisal. "Tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap Guru Pendidikan Islam (GPI) terhadap kesediaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) Mod Atas Talian." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6, no. 10 (2021): 82-89. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i10.1076>.
- [20] Unger, Shem, and William R. Meiran. "Student attitudes towards online education during the COVID-19 viral outbreak of 2020: distance learning in a time of social distance." *International Journal of Technology in Education and Science* 4, no. 4 (2020): 256-266.
- [21] Zauddin, Hasmah, Nursyamira Shaid, and Zulfadhli Halim. "Online learning platform during COVID-19 pandemic: An exploratory factor analysis on students' attitude and perceived usefulness in media and communication education." *Communications in Humanities and Social Sciences* 1, no. 1 (2021): 7-15. <https://doi.org/10.21924/chss.1.1.2021.7>
- [22] Naw, Amani, and Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee. "Penerimaan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terhadap penggunaan microsoft teams sebagai platform pembelajaran-Satu tinjauan." In *3rd International Seminar on Islamic and Science*, vol. 15. 2020.
- [23] Prior, Daniel D., Jason Mazanov, David Meacham, Graham Heaslip, and James Hanson. "Attitude, digital literacy and self efficacy: Flow-on effects for online learning behavior." *The Internet and Higher Education* 29 (2016): 91-97. <https://doi.org/10.1016/j.iheduc.2016.01.001>
- [24] Aziz, Abdul Rashid Abdul, Amin Al Haadi Shafie, Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee, and Raja Nur Syafiqah Raja Ashaari. "Strategi pembangunan aspek kesejahteraan sendiri bagi mendepani tekanan akademik semasa wabak COVID-19." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 5, no. 12 (2020): 16-30.
- [25] Fraenkel, Jack R., and Norma E. Wallen. *How to: Design and evaluate resecharch in education*. Mc Graw-Hill Higher Education, 2009.
- [26] Yahaya, Noraffandy, and Ling Ning Ning. "Kesediaan penggunaan e-learning di kalangan pelajar tahun kedua kursus Sarjana Muda Sains, Komputer Serta Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia: Satu tinjauan." *Jurnal of Educational Social Science* 1, no. 1 (2011): 121-140.
- [27] Saleh, Yuznaili. *Panduan Komprehensif Penyelidikan: Navigasi Penyelidikan Anda*. Global Mediastreet Sdn. Bhd., 2021.
- [28] Krejcie, Robert V., and Daryle W. Morgan. "Determining sample size for research activities." *Educational and Psychological Measurement* 30, no. 3 (1970): 607–610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- [29] Ishak, Abdul Aziz, and Aida Zuraina Mir Ahmad Talaat. "Pembelajaran atas talian: Tinjauan terhadap kesediaan dan motivasi dalam kalangan pelajar diploma logistik dan pengurusan rantai bekalan, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang." *Jurnal Dunia Pendidikan* 2, no. 4 (2020): 68–82.
- [30] Panteli, Paraskevi, and Areti Panaoura. "The effectiveness of using mobile learning methods in geometry for students with different initial mathematical performance." *Social Education Research* 1, no. 1 (2020): 1–10.
- [31] Tuasikal, Amalia Nur Aisyah, and Sofia Retnowati. "Kematangan emosi, problem-focused coping, emotion-focused coping dan kecenderungan depresi pada mahasiswa tahun pertama." *Gadjah Mada Journal of Psychology (GamaJoP)* 4, no. 2 (2019): 105-118. <https://doi.org/10.22146/gamajop.46356>
- [32] Gee, Lilian Lee Shiau, Victor Pangayan, Chia Yee Ee, and Jasni Dolah. "Effective social media features as strategy platform teaching and learning during the movement control order (MCO) period." *Turk. J. Physiother. Rehabil* 32 (2021): 7193-7199.
- [33] Wang, Alf Inge, and Rabail Tahir. "The effect of using Kahoot! for learning—A literature review." *Computers & Education* 149 (2020): 103818. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2020.103818>
- [34] Husin, Normah. "Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian dalam Kalangan Pelajar Program Sarjana Muda Pengajian Bahasa Al-Quran, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS): Online Teaching and Learning Towards Student of Bachelor in Al-Quran Language Studies Program, International Islamic University College Selangor (liucs)." *Jurnal Pengajian Islam* 14, Special Edition (2021): 106-120.
- [35] Richardson, William. *Blogs, Wikis, Podcasts, and Other Powerful Web Tools for Classrooms*. Thousand Oaks, CA: Corwin Sage, 2010.
- [36] Pangayan, Victor B., and Colonius Atang. "Kebekerkesanan kaedah pembelajaran dalam talian ke atas kursus terpilih bagi komponen kesenian dan kebudayaan Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, Universiti Malaysia Sabah: Effectiveness of online learning methods on selected courses for art and culture component, Center for Co-Curriculum and Student Development, Universiti Malaysia Sabah." *Jurnal Gendang Alam (GA)* 11, no. 2 (2021): 219–280. <https://doi.org/10.51200/ga.v11i2.3644>

- [37] Muthuprasad, T., S. Aiswarya, K.S. Aditya, and Girish, K. Jha. "Students' Perception and Preference for Online Education in India." *Social Sciences & Humanities Open* 3, no. 1 (2021): Article 100101.